

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 30 OKTOBER 2018 (SELASA)

SOALAN NO. 9

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyemak semula jadual perjalanan yang kurang sesuai bagi kereta api komuter dan *Electric Train Service* (ETS) dari Gemas ke Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, KTMB pada masa ini masih belum ada perancangan untuk menyemak semula jadual perjalanan bagi perkhidmatan komuter dan ETS daripada Gemas ke Kuala Lumpur.
2. Bagi Perkhidmatan Komuter, buat masa ini KTMB menyediakan 27 perkhidmatan Komuter sehari di laluan sektor Pulau Sebang (Tampin) – KL Sentral – Batu Caves. Walau bagaimanapun, Stesen Gemas yang terletak kira-kira 53 km daripada Stesen Pulau Sebang (Tampin) tidak dijadikan sebagai stesen hentian bagi Perkhidmatan Komuter. Ini adalah kerana perkhidmatan komuter sebelum ini yang beroperasi di stesen tersebut terpaksa ditamatkan pada tahun 2016 setelah 10 bulan beroperasi disebabkan kurang mendapat sambutan penumpang. Berdasarkan statistik KTMB, bilangan penumpang perkhidmatan komuter di Stesen Gemas pada tahun 2016 adalah seramai 2010 orang berbanding 1,330,638 orang di Seremban, 89,553 orang di Sg. Gadut serta 135, 297 orang di Pulau Sebang (Tampin) bagi tahun yang sama.
3. Bagi Perkhidmatan ETS pula, buat masa ini KTMB menyediakan 4 perkhidmatan bagi laluan Gemas ke KL Sentral termasuk stesen-stesen utama di Utara Semenanjung setiap hari. Penyusunan jadual tren ETS ini banyak bergantung kepada kerja-kerja projek menaiktaraf landasan di Lembah Klang yang kini sedang giat dijalankan serta ketersediaan (*availability*) set-set tren ETS yang boleh digunapakai untuk tujuan operasi.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada masa ini KTMB memiliki 15 set ETS yang aktif untuk tujuan operasi. Jumlah set ini masih tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai yang ingin menggunakan perkhidmatan ETS di seluruh negara.

NO. SOALAN: 9

Sehubungan itu, bagi menampung kekurangan set-set ETS sedia ada, Kerajaan telah meluluskan pembelian 19 tambahan ETS baru yang masing-masing dijangka tiba pada September 2019 (9 set) dan September 2021 (10 set). Perkhidmatan ETS dijangka akan meningkat selaras dengan pertambahan bilangan ETS baru ini termasuk perjalanan yang melibatkan dari Gemas ke Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih